


Headline	Mengiktiraf saintis tropika		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	3443 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,049
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,146



mega

ISNIN
30.01.12
Utusan Malaysia

Mengiktiraf saintis tropika

ANUGERAH Sains Mahathir diperkenalkan pada 2005 bagi memberi pengiktirafan kepada saintis yang menyumbang kepada penyelesaian masalah masyarakat.
Ikuti FOKUS di muka 2, 3 & 4

Headline	Mengiktiraf saintis tropika		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	3443 cm²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,049
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,146

INFO

Penerima terdahulu

● **2005** - Perubatan Tropika - **Prof. John Sheppard Mackenzie** (atas sumbangannya menyelesaikan masalah berkaitan virus Japanese encephalitis)



● **2006** - Perubatan Tropika - **Fakulti Perubatan, Universiti Malaysia**. (Sumbangan besar bagi pemahaman dan rawatan Nipah Encephalitis)



● **2007** - Perubatan Tropika - **Profesor Joseph Sriyal Malik Peiris**. (Penemuan agen aetiological menyebabkan Sindrom Akut Yang Teruk (SARS) membawa kepada pemahaman patogenesis and epidemiologi pada 2003)



● **2008** - Pertanian Tropika - **Prof. Dr. Gurdev Singh Khush** (Atas kegigihan, kepimpinan, komitmen dan usaha bersungguh sungguh membangunkan beberapa varieti padi secara sistematik bagi mengatasi masalah kebuluran sejagat).



● **2009** - Sumber Semulajadi Tropika - **Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)** - (sebagai pengiktirafan atas sumbangan dalam pembangunan industri perabot daripada kayu getah)



● **2011** - **Prof. Yuan Longping** Pengiktirafan atas galakan pemikiran bebas mengenai pembiakbakaan padi yang membawa kepada inovasi pembangunan padi hibrid.



Proses pemilihan

- Pengumuman antarabangsa
- Saringan penelitian oleh Jawatankuasa Pemandu
- Penilai oleh jawatankuasa penilai
- Syor oleh Jawatankuasa Pemandu Anugerah
- Penilaian oleh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP).
- Undian oleh Felo Akademi Sains Malaysia
- Pengumuman keputusan

Lembaga Amanah MSAF

- Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid - Pengerusi
- Tan Sri Datuk Dr Yusof Basiron FASC.
- Tan Sri Dr Ahmad Tajudin Ali FASC.
- Tan Sri Omar Abdul Rahman FASC.
- Datuk Dr (Ir) Ahmad Zaidi Laidin FASC.
- Datuk Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir FASC.
- Tan Sri Anthony Fernandes, CBE

MSA cabaran untuk saintis tempatan

MENJELANG 2020 bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mencabar saintis tempatan untuk meraih Hadiah Nobel, salah satu pengiktirafan bagi para penyelidik di seluruh dunia.

Mereka yang memenangnya mendapat sanjungan kerana sumbangan yang diberikan itu telah mengubah hidup sebahagian besar masyarakat dunia.

Namun tidak semua para penyelidik atau bidang penyelidikan berpeluang untuk bersaing di pentas Hadiah Nobel.

Untuk itu, Akademi Sains Malaysia (ASM) telah mengambil inisiatif memperkenalkan satu anugerah bagi mengiktiraf penyelidik dan institusi khusus bagi kawasan tropika yang banyak menyumbang kepada menyelesaikan masalah masyarakat.

Matlamatnya untuk mendorong saintis menjalankan penyelidikan bagi membantu masyarakat yang menghadapi masalah.

Malah sebagai menghargai jasa bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang banyak menyumbangkan idea dan tenaga ke arah perkembangan bidang sains serta penyelidikan dan pembangunan (R&D) di negara ini - anugerah tersebut dikenali sebagai Anugerah Sains Mahathir (MSA).

Pada 2005, apabila mula diperkenalkan, pemenang pertamanya ialah Profesor John Sheppard Mackenzie yang membantu dalam penyelesaian penyakit Japanese Encephalitis (JE) ketika itu.

Berdasarkan rekod, pemenang selepas beliau juga sama ada institusi atau individu adalah penyumbang kepada penyelesaian penyakit dan makanan di kawasan tropika.

Begitu juga dengan pemenang 2011 yang akan menerima anugerah ini esok, Prof. Yuan Longping telah mengabdikan dirinya dalam penyelidikan padi hibrid.

Meskipun melalui ranjau yang memeritkan termasuk gagal pada kali pertama dan kemudian berdepan

dengan masalah perubahan rejim di negaranya - China - yang menyebabkan penyelidikannya di rampas, itu bukan penghalang untuk beliau terus dengan kajiannya.

Ketekunannya itu akhirnya menjadi satu 'revolusi' di negaranya yang ketika itu berdepan ancaman kebuluran yang berjaya di atasi hasil penyelidikan beliau.

Semangat itulah yang ASM cuba terapkan di kalangan saintis tempatan supaya mereka dapat 'mengabdikan diri' dalam bidang sains dan akhirnya mencurahkan segala tenaga dan kepakaran untuk membantu masyarakat.

Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Dr. Ahmad Ibrahim berkata, oleh kerana belum ada pemenang daripada kalangan saintis tempatan, MSA sewajarnya dilihat sebagai cabaran kepada mereka untuk berada dalam senarai penerima pada masa akan datang.

Menonjol

"Setakat ini pemenang hanya dari kalangan institusi penyelidikan tempatan seperti Fakulti Perubatan Universiti Malaysia dan FRIM (Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia)," ujarnya.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai banyak institusi penyelidikan yang boleh digerakkan dalam penyelidikan termasuk Institut Penyelidikan Perubatan (IMR).

Ini kerana katanya, banyak masalah boleh diselesaikan di rantau Tropika berhubung isu penyakit dan pertanian.

Sebagai contoh bagi membantu masyarakat tetapi sebaliknya penyelidik atau saintis dari luar tropika yang lebih menonjol.

Katanya, terdapat beberapa



DR. AHMAD IBRAHIM

penyelidikan dalam bidang perubatan yang dijalankan oleh saintis tempatan seperti penghasilan vaksin dan kit tetapi mereka perlu lebih fokus.

"Syarat kejayaan ialah dengan memfokus kepada satu-satu bidang penyelidikan hingga ke peringkat yang menghasilkan dapatan boleh dimanfaatkan oleh pengguna," katanya.

Generasi saintis seperti itu memberi tumpuan sepenuhnya terhadap sains dan penyelidikan, mencurahkan segala masa, usaha malah wang ringgit untuk menghasilkan sesuatu yang berguna waima tanpa bayaran atau ganjaran wang

sekali pun.

Apa yang berlaku di Malaysia ialah wujudnya masalah budaya kurang minat generasi muda terhadap sains atau menyelesaikan masalah di peringkat akar umbi.

Dr. Ibrahim memberi contoh, terdapat kalangan pereka cipta termasuk pencipta mentol lampu, Thomas Alva Edison yang menggunakan guna wang sendiri untuk tujuan tersebut dan melakukannya bersungguh sungguh.

"Bekerja demi sains dan bukan mengejar jawatan atau pangkat," ujarnya.


Beliau juga menarik perhatian bahawa saintis dan pereka cipta merupakan dua individu yang berbeza orientasi kerja mereka. Saintis bukanlah pereka cipta dan begitulah sebaliknya.

Dalam pada itu mengulas mengenai usaha Yayasan Anugerah Sains Mahathir (MSAF), beliau berkata, RM100,000 diberikan kepada pemenang dan pihaknya bercadang meningkatkan hadiah kepada AS\$200,000 atau kira-kira RM600,000.

Beliau juga mengalu-alukan



AHMAD Sarji Abdul Hamid (kiri) bersama Presiden Akademi Sains Malaysia, Tan Sri Dr. Ahmad Tajudin Ali pada sidang akhbar mengumumkan Prof. Yuan Longping sebagai penerima Anugerah Sains Mahathir 2011 di Kuala Lumpur baru-baru ini.



Headline	Mengiktiraf saintis tropika		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	3443 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,049
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,146



IMBAS kembali... Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak bersama isteri, Datin Seri Rosmah Mansor bersama pemenang Anugerah Sains Mahathir 2008 Dr. Gurdev Singh Khush (kanan) dan FRIM yang diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abdul Latif Mohmod (dua dari kiri).

sumbangan daripada sektor korporat bagi menambah dana yaysan berkenaan dan pada masa sama menggalakkan budaya menyumbang yang dapat meningkatkan penyelidikan sains dan perubatan.

Yaysan tersebut memerlukan dana bagi membolehkan beberapa program lain dapat diadakan antaranya melahirkan bakat saintis muda menerusi program bersama tokoh saintis terkenal termasuk penerima anugerah yaysan berkenaan.

Pihaknya sedang merangka program seumpama itu bagi membolehkan saintis muda dalam lingkungan usia 35 tahun dapat bekerjasama dengan saintis tersohor dalam pelbagai platform untuk mempromosi sains dan penyelidikan.

Selain memberi anugerah kepada mereka yang berjaya dalam penemuan bidang penyelidikan tropika, ia turut mempromosi program pertukaran pengetahuan di peringkat antarabangsa.

Penerimaanya pula adalah penyelidik atau institusi yang berjaya mencapai penemuan saintifik, mendapat pengiktirafan antarabangsa dan merintis penyelidikan tropika yang memberi impak positif terhadap kesejahteraan masyarakat.

Anugerah tersebut untuk penyelidikan dalam bidang perubatan tropika,

pertanian tropika, arkitek tropika dan sumber semulajadi tropika.

Selama beberapa tahun, lima tokoh telah menerimanya yang dianugerahkan RM100,000, pingat emas dan sijil.

Terdapat beberapa kriteria pemilihan iaitu penemuan saintifik, impak penemuan dan bagaimana ia, menyelesaikan masalah di kawasan tropika.

ASM pula merupakan badan bagi menaungi saintis, jurutera dan diamanah oleh MSAF untuk menggerakkan pemilihan Anugerah Sains Mahathir bagi pihak yaysan.

Itu kata beliau membuktikan bahawa Dr. Mahathir tokoh yang sangat mengambil berat mengenai bidang sains dan sewajarnya sumbangan beliau itu dihargai dan ditandai dengan mewujudkan anugerah berkenaan.

ANUGERAH Sains Mahathir diwujudkan bagi mengiktiraf pencapaian saintis di kawasan tropika.



MSA iktiraf kecemerlangan saintis

PADA mesyuarat majlisnya kali ke-53, Akademi Sains Malaysia (ASM) telah mengambil keputusan mewujudkan Anugerah Sains Mahathir (MSA) mulai 2005. Ia sebagai mengiktiraf kecemerlangan para saintis dan kerja-kerja saintifik selain penghargaan kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pewujudan anugerah tersebut juga adalah bersempena ulang tahun penubuhan akademi berkenaan yang ke-10 pada 2004.

Nama Dr. Mahathir digunakan berdasarkan ideanya memakmurkan jiran melalui penyelesaian menangan-menang bagi membangunkan negara-negara Dunia Ketiga serta konsep sains dan teknologi kunci kepada kemakmuran sejagat menjadi asas wujudkan anugerah berkenaan.

MSA juga merupakan langkah ASM menggalakkan saintis menjalankan penyelidikan berkenaan pelbagai bidang di kawasan tropika.

"Kami mahu memberi inspirasi kepada penyelidik tempatan supaya dapat meningkatkan prestasi mereka supaya setanding dengan saintis luar negara," kata Ketua Pegawai Eksekutif ASM, Dr. Ahmad Ibrahim.

Beliau berkata, ketika ini, saintis dicabar untuk meningkatkan prestasi dengan adanya Hadiah Nobel tetapi ia mencakupi skop yang sangat luas. Sedangkan MSA memberi fokus kepada masalah di kawasan tropika.

Kata beliau, itulah cabaran menghasilkan teknologi baru untuk meningkatkan hasil ataupun makanan berkhasiat dalam perubatan untuk merawat penyakit di kawasan tropika.

Ketika ini katanya, kebanyakan pemenang ialah dalam bidang perubatan dan pertanian sama ada pemenang institusi atau individu.

Ketika ditanya kenapa anugerah itu dinamakan dengan nama bekas Perdana Menteri itu, Dr. Ibrahim berkata, ia sebagai penghargaan kepada negarawan tersebut atas sumbangannya semasa memimpin negara.

Dr. Mahathir, kata beliau, sangat memainkan peranan dan menyokong bidang sains dengan tertubuhnya banyak agensi dan institusi antaranya Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Mimos Berhad, ASM dan juga mewujudkan penasihat sains kepada kerajaan.

"Beliau percaya kalau Malaysia hendak mencapai negara maju, dalam dalam industri penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu dijalankan," ujarnya.

Menurut Dr. Ibrahim, beliau juga diberitahu mengenai amalan bekas Perdana Menteri itu ketika masih memimpin negara yang kerap memanggil beberapa agensi penyelidikan tempatan seperti Sirim Berhad, dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk berhubung mengenai ideanya untuk melaksanakan sesuatu.

Headline	Mengiktiraf saintis tropika		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	30 Jan 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	1to4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	3443 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 68,049
Frequency	Daily	PR Value	RM 204,146

Menerusi penyelidikan tersebut, beliau memanfaatkan kepakaran dalam bidang aseksual crossing dan mula menggunakan penghibridan artifisial membangunkan varieti padi baru

DEDIKASI Prof. Yuan Long Ping terhadap penelidikannya mengenai padi hibrid membawa beliau kepada kemuncak kerjaya yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Bapa padi hibrid

Susunan LAUPA JUNUS

NAMA Profesor Yuan Long Ping mungkin tiada siapa yang tahu. Tetapi kajiannya dalam bidang pertanian telah memberi sumbangan yang besar terutama kepada penghasilan padi berkuliti kepada penduduk negaranya - China.

Semuanya bermula melalui pendidikan yang beliau terima di Southwestern Agricultural College di Chongqing dengan keutamaan dalam bidang aronomi pada 1949 menjadi perintis kepada kerjaya hidupnya.

Ia menandakan permulaan pembabitannya dalam pertanian.

Selepas tamat pengajian pada 1953, beliau mengajar di Sekolah Pertanian Anjiang di Wilayah Hunan. Beliau mengajar bahasa Rusia, botani, kultivar tanaman, pembiakan dan genetik.

Sambil mengajar, beliau menjalankan penyelidikan saintifik silang aseksual antara tanaman menggunakan teori Rusia tetapi gagal.

Namun masalah kebuluran yang melanda negaranya pada 1958 hingga 1961 menjadikan Long Ping lebih fokus kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) meningkatkan hasil padi.

Beliau memanfaatkan kepakaran dalam bidang aseksual crossing dan mula menggunakan penghibridan tiruan membangunkan varieti padi baru.

Dengan mengambil kira hasil

penghibridan pada jagung, beliau berjaya dengan idea baru yang meningkatkan hasil padi.

Pada 1960-an penggunaan heterosis berskala besar agak terkehadapan dalam penyelidikan mengenai padi yang merupakan tanaman yang melakukan proses pendebungaan sendiri.

Pada awal 1960-an ramai saintis percaya semua tanaman menjalankan pendebungaan sendiri.

Bagaimanapun Long Ping memilih jalan sukar dan penuh tanda tanya tetapi berjaya dengan kaedah tersebut yang membawa faedah kepada saintis lain.

Apabila berita kejayaannya tersebar, ramai tertanya-tanya termasuk pihak Institut Penyelidikan Padi Antarabangsa (IRRI) beribu pejabat di Manila, Filipina yang telah mencuba kaedah tersebut pada 1962 tetapi gagal.

Long Ping telah memperkenalkan padi hibrid China kepada dunia pada 1979 sempena persidangan antarabangsa dibiayai oleh IRRI.

Pada tahun berikutnya, IRRI menghasilkan penyelidikan hibrid sendiri.

Ketika Revolusi Budaya di China sepanjang 1966-1976 berlaku perbezaan pendapat dan Long Ping dilabel sebagai penentang menyebabkan benih yang dihasilkannya dirampas.

Ekoran daripada insiden itu, beliau memindahkan penelidikannya dari Hunan ke Pulau Hainan di Wilayah Yunnan.

Pada 1970, di Pulau Hainan tanaman padi jantan liar tanpa debunga ditemui. Ini membawa kepada usaha lebih kuat ke arah

penghasilan padi hibrid.

Pada 1972, Suruhanjaya Sains dan Teknologi China menyenaraikan padi hibrid sebagai projek penyelidikan utama kebangsaan.

Dengan hasil usahanya, pengeluaran hasil padi meningkat dari 5.69 bilion tan pada 1950 kepada 19.47 bilion tan pada 2000.

Setakat ini, keluasan penanaman padi hibrid mencecah 16 juta hektar, iaitu 57 peratus daripada keseluruhan di negara China.

Peningkatan tanaman bijirin dengan padi hibrid membolehkan China menyediakan makanan kepada 70 juta rakyatnya selain menambah pendapatan petani.

Padi hibrid bukan sahaja meningkatkan pengeluaran tetapi menyumbang kepada pengurangan kawasan penanaman padi bagi membolehkan tanaman lain juga ditanam.

Teknik beliau telah dikomersialkan sehingga ke seluruh Asia termasuk Vietnam, Filipina, Bangladesh, India, Pakistan, hingga ke Afrika dan Amerika Syarikat.

Pada 2004, beliau berkunjung ke Malaysia untuk berkongsi pengetahuan dengan menyampaikan syarahan mengenai penghibridan padi.

Pusat Penyelidikan Padi Hibrid Perlis telah ditubuhkan yang mana beliau merupakan ketua perunding.

Sumbangan Long Ping untuk meningkatkan hasil padi merupakan sesuatu yang diluar jangkaan.

Kejayaan itu bukan sahaja menyebabkan beliau digelar Bapa Padi Hibrid, tetapi juga melayakkannya menerima Anugerah Sains Mahathir (MSA) 2011.

Ia sebagai pengiktirafan kepadanya dalam meningkatkan hasil padi yang merupakan makanan utama penduduk tropika.

Beliau menerima hadiah RM100,000, pingat emas dan sijil.

Sebagai pemenang, beliau akan bekerjasama dengan Yayasan Anugerah Sains Mahathir (MSAF) menerusi pelbagai aktiviti seperti perbincangan intelek dengan penelidikan.

Info

Biodata penerima

Anugerah Sains Mahathir 2011

● Profesor Yuan Long Ping dikenali sebagai Bapa Padi Hibrid.

● Tarikh Lahir: 7 September 1930 di Beijing China.



Pendidikan

● Pada 1949, menamatkan pendidikan sekolah tinggi dan memasuki Southwestern Agricultural College in Chongqing (keutamaan dalam agronomi).

Penulisan

● Beliau telah menulis kira-kira 60 artikel dan hasil kerjaya mempengaruhi bidang penyelidikan lain termasuk sains tanaman dan bioteknologi guna.

Pengiktirafan

● Anugerah Sains Mahathir 2011.
● Anugerah Sains dan Teknologi Perdana Kebangsaan 2000.
● Anugerah Ramon Magsaysay bagi perkhidmatan kerajaan pada 2001.
● Hadiah Makanan Sedunia dan Anugerah Wolt Dalam Pertanian pada 2004.

Program sempena sambutan Anugerah Sains Mahathir 2011

(i) Perbincangan intelektual

Tarikh: 30 Januari 2012.

Masa: 2.30 petang hingga 4.30 petang.

Tempat: Bilik Bunga Raya Agensi Remote Sensing Malaysia (Remote Sensing Malaysia), Kuala Lumpur.

Anjuran Bersama: Akademi Sains Malaysia dan Remote Sensing Malaysia.

(ii) Majlis perjumpaan anugerah

Anugerah Sains Mahathir 2011

Tarikh: 31 Januari 2012.

Masa: 8 malam hingga 10.30 malam.

Tempat: Grand Ballroom, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Tetamu Kehormat: Tun Dr. Mahathir Mohamad

(iii) Kuliah Umum

Tajuk: Bolehkan Padi hibrid mengatasi Krisis Makanan

Tarikh: 2 Februari 2012

Masa: 10 pagi hingga 11.30 pagi

Tempat: Plenary Theatre, KLCC

Anjuran Bersama: ASM



KERJA- kerja penyelidikan Prof. Yuan Long Ping mengenai teknologi padi hibrid telah dibukukan.